

UMNO perlu konsisten tolak UEC

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 15 JULAI**

UMNO perlu konsisten dalam menolak pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) yang tidak selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat, Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, Dasar Pendidikan Kebangsaan bertujuan memastikan perpaduan rakyat melalui satu dasar pelajaran di mana Bahasa Melayu sebagai asasnya, sedangkan komponen Bahasa Melayu dan Sejarah dalam UEC itu tidak memenuhi standard seperti dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Mempertahankan Dasar Pendidikan Kebangsaan bukan bermakna rasis tetapi agenda nasional untuk rakyat yang berbilang kaum. UMNO mesti konsisten dalam hal ini, jika tidak,

integrasi nasional melalui bahasa Melayu menjadi lebih cacamarba.

“Kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini telah banyak bertolak ansur seperti membenarkan kewujudan 60 sekolah menengah persendirian Cina yang mengguna pakai UEC. Sepatutnya cukuplah pendidikan sekolah vernakular ini dibenarkan di peringkat pendidikan rendah sahaja iaitu di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil tetapi apabila di peringkat menengah semua pelajar perlu berada dalam satu sistem iaitu sekolah menengah kebangsaan (SMK),” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Hari ini, Kementerian Pendidikan menegaskan sebarang keputusan yang bakal diambil berhubung pengiktirafan UEC akan bersifat komprehensif dan holistik tanpa menggugat kedudukan

bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Menterinya, Dr. Maszlee Malik dalam satu kenyataan menjelaskan, pihaknya perlu mengambil kira kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kemungkinan berlaku sebarang impak daripada keputusan pengiktirafan itu terhadap perpaduan serta keharmonian rakyat Malaysia.

Dr. Mohd. Puad menambah, kenyataan Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong yang mengaitkan pengiktirafan UEC oleh universiti luar negara termasuk universiti swasta di negara ini juga dilihat tidak wajar.

“Universiti-universiti berkenaan tidak terikat dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan malah majoriti universiti itu hanya mengutamakan nilai komersial semata-mata.

“Isu pengiktirafan UEC yang

terkandung dalam manifesto BN yang lalu juga diungkit oleh Ka Siong sedangkan pengiktirafan itu bersyarat dan hanya dalam bidang tertentu sahaja sebagai contoh termasuk ke Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang dilaksanakan pada 2012 di mana khusus untuk pengambilan guru bahasa Mandarin sahaja,” katanya.

Tambahnya, sudah tiba masanya UMNO membuat pendirian sendiri demi mempertahankan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan ke hadapan menentang pengiktirafan UEC tersebut.

“Ini bukan perjuangan rasis tetapi adalah untuk mempertahankan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Mereka yang cuba merosakkan dasar tersebut kerana motif politik sebenarnya adalah rasis oleh itu UMNO perlu ke depan menggabungkan semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pakar bahasa dan budayawan menentang pengiktirafan ini,” katanya.




MOHD. PUAD ZARKASHI

Iktiraf UEC galak polarisasi kaum

KUALA LUMPUR 15 Julai - Pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) akan menggalakkan polarisasi kaum serta menyukarkan proses integrasi nasional yang akhirnya akan menjadi pemisahan antara satu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain di negara ini.

Setiausaha Agung Majlis Perundingan Melayu (MPM), Datuk Dr. Hasan Mad berkata, kesan jangka panjang terhadap perkara ini akan memberi kesan kepada pembinaan negara bangsa apabila rakyat semakin sukar mencapai perpaduan kaum.

Katanya, ahli-ahli politik sepatutnya memikirkan kesan jangka panjang dan bukan hanya kepentingan politik jangka pendek yang akhirnya akan memakan diri dan anak-anak bangsa.



HASAN MAD



KAMARUZAMAN

“Kini kita sudah ada Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang jelas memisahkan kita daripada kecil dan kini UEC pula mahu diiktiraf, menambahkan lagi pengasingan antara kita. Impaknya telah menyebabkan kita takkan mampu bersatu dalam satu bahasa dan satu budaya.

“MPM menolak UEC bukan kerana alasan perkauman tetapi ke-

rana sijil itu tidak konsisten dengan Dasar Pendidikan Negara yang ada. Saya melihat rakyat Malaysia kini semakin terbahagi tidak kira dalam politik, ekonomi, pendidikan dan agama,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan kerajaan untuk meneruskan rancangan mengiktiraf UEC selaras dengan manifesto Pakatan Harapan.

Baru-baru ini, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik menegaskan, pihaknya tidak akan membuat pusingan U atau dilihat *flip-flop* dalam perkara itu.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Kamarozaman Abd. Razak meminta kerajaan untuk membuat kajian yang mendalam sebelum mengiktiraf

UEC kerana dikhuatiri akan mengundang kecelaruan terhadap sistem pendidikan negara.

Katanya, kecelaruan sistem pendidikan negara pula dibimbangi akan menggugat keharmonian rakyat yang sudah yakin terhadap sistem kini.

“UEC adalah satu isu lama dan dijadikan matlamat politik golongan tertentu dan ini sepatutnya tidak berlaku. Dasar Pendidikan Negara yang sedia ada sudah dianggap terbaik jadi saya anggap tiada keperluan untuk mewujudkan yang baharu.

“Apa pun yang terjadi, kerajaan perlu mengutamakan Perlembagaan Persekutuan dalam menyentuh atau mengubah dasar yang berkaitan pendidikan, iaitu salah satu dasar paling penting dalam pembangunan negara bangsa,” katanya.